

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANCELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS AMANAT NAIB CANCELOR 2014
PADA HARI RABU, 19 FEBRUARI 2014, PUKUL 10.00 PAGI
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

**“BERASASKAN NILAI, BERFOKUSKAN STRATEGI,
BERPANDUKAN PRESTASI”**

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka keluarga besar UMP dapat berhimpun dalam majlis amanat tahunan 2014 ini.

2. Pada masa yang sama juga, pengajian bagi Semester 2, Sesi Akademik 2013/2014 baharu sahaja bermula pada 17 Februari yang lalu, justeru saya ingin mengucapkan “Selamat Kembali” kepada warga mahasiswa sekalian.

3. Genap 12 tahun usia penubuhannya pada hari semalam, UMP kini telah sepatutnya berada pada landasan yang ampuh berdasarkan kerangka strategik yang memandu kewujudan dan kecemerlangannya.

4. Justeru, sebagaimana lazimnya, amanat tahunan ini akan menggariskan dasar, inisiatif dan strategi penting untuk dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan dan pentadbiran serta sistem penyampaian terhadap staf, mahasiswa dan pihak luar yang berurusan dengan Universiti ini.

5. Segala dasar, inisiatif dan strategi ini dirangka dengan juga mengambil kira saranan YAB Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan beliau pada 28 Januari yang lalu dan juga penilaian saya terhadap perkembangan dan situasi semasa di UMP.

6. Kecemerlangan akan terus menjadi tumpuan kita, tanpa kompromi. Maka, kita memerlukan acuan yang khusus bagi membentuk kecemerlangan yang dihasratkan itu. Maka itulah, amanat tahunan saya bagi tahun 2014 ini didasari tema “Berasaskan Nilai, Berfokuskan Strategi dan Berpandukan Prestasi/Pencapaian”.

MEMUHASABAH PENCAPAIAN 2013

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Untuk mencapai kecemerlangan dan melestarikan masa hadapan yang gemilang, kita harus punya keupayaan untuk mengambil apa-apa yang baik dari pengalaman silam. Sepanjang 12 tahun kewujudannya, Universiti ini telah mengharungi pelbagai , cabaran yang sepatutnya mematangkan sikap dan mentaliti warganya.

8. Kita kerap bercakap tentang nilai, strategi dan prestasi. Persoalannya, apakah kerangka yang perlu ditekuni, prinsip yang perlu dihayati dan sikap yang perlu didakap bagi menterjemah nilai, melaksana strategi dan mengurus prestasi yang hendak dibudayakan oleh Universiti ini.

9. Kita semua dapat melihat sendiri bahawa dinamika pengurusan sejak 12 tahun yang lalu telah membolehkan UMP berada pada tahap mengupayakannya terus maju cemerlang. Ia juga adalah hasil dukungan semua segmen populasinya, iaitu pihak pengurusan, akademia, birokrat dan mahasiswa.

10. Justeru, penting sekali untuk diinsafi bahawa kecemerlangan yang dihasratkan itu akan terus memerlukan kerjasama intim keempat-empat segmen populasi universiti yang saya sebutkan tadi, tanpa pengecualian.

11. Semangat kekitaan dan pemilikan yang tinggi terhadap UMP akan menatijahkan keikhlasan perkhidmatan dan kejelasan nawaitu, tanpa terlalu berkira dengan soal ganjaran, pangkat dan kedudukan, keistimewaan mahu pun kemudahan.
12. Maka itulah, pada kesempatan ini saya ingin terlebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga UMP atas sumbangan yang penuh dedikasi dan kerjasama yang telah diberikan selama ini, khususnya sepanjang tahun 2013 yang lalu.
13. Hasil kerjasama dan komitmen berterusan tersebut, maka UMP telah menikmati pertumbuhan yang membanggakan dalam pelbagai aspek, khususnya akademik, pengantarabangsaan, penyelidikan dan pengalaman kampus pelajar.

14. Peningkatan dan pertumbuhan boleh dibanggakan dalam konteks penawaran program akademik, kerjasama serantau dan antarabangsa, enrolmen pelajar, geran penyelidikan, pencapaian penyelidik dan perkhidmatan masyarakat merupakan hasil kesungguhan dan ketekunan tersebut.
15. Maka benarlah hadith Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi yang berbunyi *“Sesungguhnya Allah suka apabila seseorang itu melakukan sesuatu kerja itu dengan tekun”*.

PENGHARGAAN BUAT WARGA

16. Tuan-tuan dan Puan-puan

Manusia merancang, kita bersedia, Allah jua yang menentukan segala-galanya dan ada ketikanya menduga kita. Pada penghujung tahun 2013, kita di negeri Pahang

ini telah diuji dengan bencana banjir yang serius, khususnya di daerah Kuantan. Malah, bencana kali ini turut menjejaskan kehidupan sebahagian staf dan mahasiswa UMP dengan kerugian harta benda yang agak tinggi.

17. Namun, di sebalik musibah ini, terpancar pula sinar hikmah yang amat mengkagumkan. Tanpa sebarang ganjaran mahu pun imbuhan, kalangan staf dan mahasiswa UMP tidak berlengah apabila khidmat sukarela mereka diminta untuk membantu meringankan penderitaan mangsa-mangsa banjir tersebut.
18. Gerak kerja para sukarelawan kita disusun dengan serba teratur dan sistematik. Bilik Gerakan Banjir UMP juga mampu mengkoordinasikan bantuan daripada IPTA lain, agensi kerajaan dan NGO. Keupayaan dan kesungguhan UMP telah dapat dirasai dan dinikmati oleh khususnya

masyarakat setempat dan telah mendapat perhatian dan pujian pelbagai pihak.

19. Maka sukaiah saya di sini mengucapkan tahniah kepada warga UMP yang telah menyumbangkan khidmat bakti yang ikhlas sebagai sukarelawan.
20. Kesatuan minda dan kesatuan tindakan yang sering kali saya sarankan telah dibuktikan dengan berkesan sekali lagi oleh para sukarelawan ini sepanjang tempoh yang mencabar tersebut.
21. Ada juga sebilangan besar individu lain yang walaupun berupaya, tetapi memilih untuk hanya memeluk tubuh dan melihat dari jauh. Sedangkan dalam keadaan yang lebih mudah dan ringan, mereka inilah yang kerap menjadi jaguh.

22. Bagi golongan tersebut, saya ingin mengingatkan mereka dengan memetik kata-kata Nouman Ali Khan, *“When you find yourself in a position to help someone, be happy because Allah is answering that person’s prayer through you.”*
23. Saya berdoa mudah-mudahan sumbangan komitmen tersebut akan mendapat semulia-mulia dan sebesar-besarnya ganjaran daripada Allah Ta’ala dan terhitung sebagai ibadah dan amal jariah di sisi-Nya, *Amin*.

KERANGKA ETIKA

24. Tuan-tuan dan puan-puan,

Senario yang kita muhasabah sebentar tadi menunjukkan dengan jelas bahawa kerangka etika dan akhlak kerja yang betul akan membentuk kesatuan minda dan kesatuan tindakan dalam organisasi.

25. Akhlak ditakrifkan sebagai tingkah laku, perangai, atau tabiat. Akhlak yang baik disebut sebagai beradab, beretika dan bersopan santun yang diterjemahkan dari hati yang ikhlas dan luhur.

26. Islam telah mengingatkan kepada umatnya mengenai peri pentingnya memelihara akhlak dan mengamalkan nilai-nilai mulia dalam kehidupan seharian sebagai hamba yang taat kepada perintah Allah Ta'ala. Begitu juga dalam soal akhlak (etika) kerja.

27. Apabila bercakap tentang nilai, atas kesedaran inilah kepimpinan UMP atau KUKTEM terdahulu pada Oktober 2004 telah melakar nilai-nilai teras organisasi untuk dijadikan pegangan warganya, untuk mencorak kepercayaan (*beliefs*), mencipta etos (*ethos*) organisasi dan membentuk akhlak.

28. Lima nilai teras telah dilakar iaitu:
- (1) Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta;
 - (2) Teguh mempertahankan prinsip yang disepakati,
 - (3) Kreatif membuat keputusan yang bijaksana;
 - (4) Cekal menghadapi cabaran; dan
 - (5) Proaktif dalam tindakan.
29. Beberapa tahun yang lalu, saya telah mengutarakan satu *tagline* atau cogan kata untuk kita selaku warga UMP bertindak dan bergerak kerja: *Berasaskan nilai, berfokuskan strategi, dipandu prestasi*. Semasa itu kita sedang rancak melaksanakan perancangan strategik bagi 2008 – 2010.
30. Pada pendapat saya, nilai teras yang telah dilakar dengan sebegitu berhemah seharusnya mendasari pelan dan pelaksanaan strategi kita pada masa itu.

31. Saya amat yakin bahawa kelima-lima nilai teras itulah yang akan menjadi sumber kekuatan kita, sumber kesatuan minda kita dan sumber kesatuan tindakan kita.

32. Fokus pada masa itu dihalakan kepada lima objektif supaya menjelang 2011, asas kita dapat diperkukuhkan, dan pada yang masa yang sama, UMP telah mula menjana kecemerlangan.

33. Panduan kita pula adalah kepada sepuluh faktor kritikal yang dikenalpasti. Pada akhir tempoh Pelan Strategik 2008 – 2011 itu, kita amat merasakan yang UMP telah berjaya mengukuhkan asasnya dan sedikit sebanyak menjana kecemerlangan.

34. Atas dasar pencapaian tersebut dan dengan kesedaran yang kita telah mempunyai kapasiti untuk meningkatkan

prestasi universiti dalam pelbagai aspek, maka Pelan Strategik 2011-2015 diukir dan disusun untuk fasa berikutnya.

35. Dengan slogan yang sama, Pelan Strategi 2011-2015 berhasrat untuk membawa UMP bermigrasi ke satu destinasi; iaitu apa yang dipanggil *Universiti Pilihan Utama*.
36. Sehingga hari ini, pelaksanaan pelan strategik ini diberi perhatian serius melalui mekanisme yang berstruktur sama ada di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), Teraju (*Champion*), Pengurusan Tertingg Universiti dan juga Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

PECUTAN TERAKHIR MENJELANG 2015

37. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2011-2015, fasa yang berbaki sekitar 20 bulan mengisyaratkan dengan serius kepada kita, keperluan untuk membuat pecutan terakhir sebelum tibanya Disember 2015.

38. Pecutan ini memerlukan tindakan berikut:

- (1) menekuni usaha sedia ada yang telah terbukti memberikan hasil yang dihasratkan;
 - (2) mengambil inisiatif yang kreatif dan inovatif;
 - (3) intervensi radikal untuk penjajaran yang lebih tepat;
- dan

(4) tindakan luar biasa yang mengubah permainan
(*unusual, game-changing actions*).

39. Perlu diingat, apa jua usaha memerlukan sedikit masa untuk mendapatkan kesannya. Antara tindakan dengan hasil, semestinya wujud *lag* (sela masa), iaitu waktu bagi berlakunya proses sebab-musabab.

40. Oleh yang demikian, 2014 adalah tahun yang amat kritikal untuk menentukan pencapaian pelan strategik yang kini sedang dilaksanakan kelak mencapai objektifnya pada 2015.

41. Memfokus kepada strategi memerlukan kita untuk terus tidak atau enggan merasa letih dan jemu menekuni usaha yang telah digariskan dalam kerangka strategik tersebut.

42. Sepanjang tahun 2014 ini, kita akan berhadapan dengan beberapa opsi dan alternatif dalam tindakan kita. Namun mata kita perlu sentiasa tertumpu tepat kepada sasaran; apa yang disebutkan dalam bahasa Inggeris, *we will always have our eyes on the ball*.
43. Apabila mata kita fokus kepada bola yang sentiasa bergerak (sasaran yang dinamik), posisi bola tersebut kadangkala tidak terarah, atau berada hampir dengan kawasan berisiko, atau bola itu sering dalam kawalan (*possession*) pihak lawan; malah paling ditakuti ialah, kita hanya melihat dan menonton, tanpa berbuat apa-apa.
44. Apapun, fokus kita kepada sasaran tersebut tidak akan sekali-sekali dialih ke tempat lain. Percayalah, impak daripada fokus kita itu adalah kuat sekali.

45. Keadaan ini adalah ibarat sekeping kertas yang terbakar hangus oleh api yang menyala hasil cahaya yang tertumpu atau focus daripada kanta pembesar (*magnifying glass*).

46. Sementara itu, membangunkan organisasi yang berpandukan prestasi atau pencapaian boleh dianggap sebagai sesuatu yang mesti ada atau *must have*.

47. Tidak boleh dinafikan lagi bahawa organisasi-organisasi yang unggul di dalam bidang teras masing-masing adalah terhasil dari, tidak lain dan tidak bukan pemimpin mereka yang bersusah payah untuk menerapkan budaya yang berpandukan pencapaian.

48. Walaupun keperluan berpandukan prestasi harus datang dari pihak atasan melalui mesej yang cukup jelas, budaya ini perlu berakar umbi di setiap lapisan organisasi.
49. Maka pada hari ini, *the tone from the top is, we are a performance driven organisation, and there is no two-way about it.* Ini sekali-kali tidak bermaksud bahawa UMP tidak punya penilaian prestasi sebelum ini.
50. Penekanan yang diberikan hari ini mengisyaratkan kita supaya menyemak semula pengurusan prestasi universiti supaya benar-benar memberi impak kepada keberhasilan strategi kita.
51. Budaya yang berpandukan prestasi memerlukan sasaran dan pencapaian yang dijelas. Prinsip akauntabiliti yang mendasari budaya berpandukan prestasi menuntut

penglibatan staf yang aktif untuk menentukan jenis sasaran, kuantum sasaran dan tempoh sasaran.

52. Maka dalam proses sedemikian, cabaran operasi semestinya akan muncul untuk kedua-dua pihak:

- (1) Mendefinisi matrik prestasi itu sendiri;
- (2) Mengumpul, melapor dan menganalisis data penilaian prestasi;
- (3) Mengenalpasti mereka yang berprestasi tinggi;
- (4) Kaedah untuk menangani sistem ganjaran; dan
- (5) Dilema untuk melatih dan menggugurkan mereka yang tidak berprestasi.

53. Saya yakin, cabaran-cabaran tersebut adalah sentiasa relevan dalam konteks kita berstrategi, sama ada pada fasa 2011-2015 mahu pun fasa 2016-2020 dan seterusnya.

PENCAPAIAN KPI DAN KEBERHASILAN PELAN STRATEGI

54. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Selama lebih tiga tahun, kita telah menumpukan perhatian kepada KPI dan pencapaiannya. Dengan inisiatif yang kita lakukan, *insya-Allah*, penyampaian KPI itu sendiri tidak menjadi isu yang kritikal, walaupun ada yang mungkin kurang sedikit pencapaiannya atas sebab-sebab tertentu.

55. Dengan masa yang berbaki ini, saya mengesyorkan agar tumpuan tambahan diberi kepada keberhasilan, iaitu pencapaian yang menggambarkan bagaimana penilaian pihak lain terhadap kita.

56. Ini adalah kerana pencapaian KPI harus mempunyai impaknya melalui *outcome* yang dapat dirasai dan dinikmati oleh pemegang taruh universiti yang berkaitan
57. Ahli falsafah Sepanyol, George Santayana pernah berkata bahawa apa yang difikirkan orang lain tentang kita sebenarnya kurang penting; kecuali apabila kita mengetahui apa yang difikirkan tersebut akan secara mendalam mempengaruhi bagaimana kita berfikir tentang diri kita sendiri. *I am what I think you think I am*. Ini amat penting supaya kita sentiasa mempunyai kesedaran sendiri (*self awareness*) yang nyata dan tidak hanya seronok sendiri.
58. Maka, apabila kita menilai pencapaian objektif pertama di dalam Pelan Strategik 2011-2015, iaitu *melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif*, sudah tiba

masanya bagi kita meninjau kesan KPI-KPI berkenaan yang telah dicapai.

59. Memang benar pencapaian KPI-KPI menunjukkan bahawa kita telah berjaya mendapatkan calon yang berkualiti, serta kompetensi staf yang tinggi, dan peratusan graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan juga adalah tinggi.

60. Soalan yang berikutnya ialah: *bagaimana impak graduan yang berketrampilan itu?* Adakah pelajar kita ditaja oleh organisasi yang bereputasi tinggi di peringkat nasional dan global? Adakah mereka akan menjadi rebutan kepada syarikat multi-nasional yang terkemuka? Adakah graduan kita itu mendapat jawatan dan ganjaran yang setimpal dengan kelayakannya?

61. *Objektif Kedua: Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.* Dalam konteks ini, UMP perlu menyemak sama ada kita terlibat dalam bidang-bidang yang sedang meningkat naik (*emerging*) untuk diaplikasikan di industri. Persoalannya, siapakah yang datang ke UMP untuk bekerjasama dalam penyelidikan sofistikated (*state-of-the art*)? Bagaimana sumbangan CoE dan ICoE kita untuk objektif ini?
62. *Objektif Ketiga: Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.* Sungguhpun perkhidmatan kajian kontrak dan perundingan sering dilakukan untuk industri, kita juga harus sedar mengenai apakah jenis kerja yang dilakukan oleh UMP dengan pihak industri itu. Adakah kerja yang dilakukan sekarang sekadar bersifat rutin atau yang mempunyai nilai tambah yang tinggi kepada kedua-dua pihak? Setakat mana pemindahan ilmu

yang berlaku ke industri dan masyarakat telah meningkatkan profil UMP sebagai sebuah IPT?

63. Objektif Keempat: *Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.* Selain dirasai oleh warga UMP sendiri, objektif keempat ini harus turut menerima persepsi positif dari pihak luar. Persoalannya, apakah reputasi kita dalam kalangan pemegang-pemegang taruh? Adakah kita sering dikunjungi pihak luar untuk menanda aras amalan, prosedur dan dasar kita? Adakah amalan dan cara kita menjadi buah mulut yang positif di pihak luar.

PELAN STRATEGIK UMP DAN PSPTN

64. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Apabila saya merujuk kepada bola, iaitu simbol sasaran dalam konteks strategi, jelas bahawa keadaan itu adalah dinamik sifatnya.

65. Sebagaimana kita semua maklumi, strategi dalam konteks universiti kita bukan sahaja Pelan Strategik UMP. Kita juga adalah pemegang taruh dan penyumbang kepada pencapaian dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

66. Maka kita di UMP haruslah turut bersedia untuk mengharungi arus transformasi yang sedang digerakkan hasil penggabungan semula Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan.

67. Kajian semula yang akan dilakukan terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2008-2020 akan turut memberi kesan kepada pendekatan perencanaan kita dalam menggubal Pelan Strategik UMP 2016-2020. Malah, sedikit modifikasi mungkin turut berlaku pada Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang sedang dilaksanakan berikutan perkembangan ini.
68. Justeru, apabila hasil kajian semula PSPTN yang dijangka siap pada bulan Jun 2014 diumumkan kelak, kita di UMP telah berada dalam mod siap sedia untuk membuat penyesuaian dan pengubahsuaian sekiranya perlu.
69. Ini adalah kerana, PSPTN akan kelak disepadukan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) sebagai satu dokumen bersepadu dengan gerak tindakan yang terselaras.

70. Tumpuan utama dalam transformasi pendidikan ini termasuklah autonomi universiti awam dengan sistem governan yang mantap dan penuh akauntabiliti, jaringan universiti dengan komuniti, kedudukan (*ranking*) IPTA, pemindahan teknologi dan agenda-agenda kritikal yang lain.

ELEMEN KEUNGGULAN UNIVERSITI

71. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan perkembangan PSPTN yang telah dijangka dan hakikat bahawa kita semakin hampir kepada penghujung Pelan Strategik 2011-2015, UMP perlu memulakan langkah bagi fasa *Menjana Kegemilangan*, tanpa mengalih pandangan kita kepada objektif semasa dalam Pelan Strategik ini.

72. Ramuan nilai teras UMP dengan fokus kepada strategi serta membudaya prestasi tinggi, maka keunggulan masa depan universiti bakal dicipta.
73. Dalam konteks kegemilangan universiti, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa universiti-universiti Amerika Syarikat mendominasi kedudukan (*ranking*) universiti-universiti global.
74. Dalam kalangan universiti-universiti di Amerika Syarikat, Harvard University kerap kali berkedudukan antara yang tertinggi. Satu fenomena lagi ialah, kebanyakan universiti di dunia mengambil masa bertahun-tahun, malah berkurun, untuk berada di kedudukan yang tinggi. Tetapi, universiti-universiti di Amerika Syarikat dapat melonjak ke kedudukan yang tinggi di dunia dalam masa yang lebih singkat.

75. *Literature* pengajian tinggi ada mencadangkan bahawa autonomi dan persaingan akan menyumbang kepada produktiviti universiti.
76. Dua elemen ini – autonomi dan persaingan – tidak mampu untuk wujud berasingan. Kedua-dua elemen ini harus wujud bersama (*co-exist*).
77. Malah ada bahayanya sekiranya universiti diperkasakan dengan autonomi tetapi tidak pula diperkasakan dalam persekitaran persaingan yang menuntut disiplin yang tinggi dalam mendapatkan dana penyelidikan, anggota fakulti dan pelajar.
78. Autonomi tanpa persaingan boleh menyebabkan universiti leka dan tersimpang dari menghasilkan *output* yang dihargai oleh masyarakat.

79. Manakala tidak ada maknanya menuntut universiti untuk bersaing sekiranya universiti tidak mempunyai autonomi untuk bertindak melalui program-program yang produktif, kreatif dan cekap.

80. Justeru, menurut Aghion dan Dewatripont et al. (2010), universiti akan lebih berdaya saing dan berautonomi sekiranya:

- Tidak perlu mendapatkan kelulusan kerajaan untuk bajetnya;
- Memilih pelajar-pelajar prasiswazah secara bebas dari kawalan kerajaan;
- Membayar ahli fakulti dengan kaedah yang lebih fleksibel, bukan semata-mata berdasarkan skala yang diperturunkan berasaskan kekananan atau pangkat;

- Mengawal pengambilan secara dalaman;
- Endogami yang rendah;
- Mempunyai bangunan sendiri;
- Menentukan kurikulum sendiri;
- Mempunyai peratusan bajet yang rendah daripada suntikan dana teras kerajaan; dan
- Mempunyai peratusan bajet yang tinggi datang daripada suntikan geran penyelidikan yang kompetitif.

81. Daripada senarai di atas, jelas kepada kita bahawa kebebasan melalui autonomi dan keupayaan untuk

bersaing adalah faktor penting untuk keunggulan sesebuah universiti.

82. Seperkara yang juga menarik mengenai universiti yang unggul di dunia seperti Harvard ialah, keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah universiti didominasi oleh alumni universiti itu sendiri. Malah 19 daripada 20 universiti terkemuka di Amerika Syarikat mempunyai Lembaga Pemegang Amanah di bawah kawalan alumninya sendiri.

83. Rata-rata alumni sesebuah universiti semestinya merasakan semangat pemilikan (*sense of belonging*) yang tinggi. Mereka merupakan antara pemegang taruh yang mempunyai kepentingan paling tinggi. Reputasi universiti mencerminkan kualiti diri alumni itu sendiri kerana mereka adalah hasil didikan institusi itu.

MELAKSANAKAN TEKAD

84. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Berasaskan nilai-nilai teras UMP, ayuh kita fokuskan minda dan tindakan (strategi) kita untuk mencipta kegemilangan. Kita akan bertitik tolak dari pembudayaan pencapaian. Untuk itu, UMP perlu komited untuk melakukan sesuatu. Antaranya ialah:

1. Memastikan nilai-nilai teras UMP dihayati melalui proses pembetulan kepercayaan dan pengembangan etos organisasi;
 - BLPK, MyUMP, PIMPIN

2. Meneruskan usaha yang gigih untuk mencapai autonomi;
 - Audit UGGI 2014
 - UKRA 2

- Model penjanaan kewangan
 - Pelaburan (UMPH, UAE) – Endowment Fund
3. Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan persaingan sihat;
 - Dalaman
 - Luaran
 4. Memulakan penyemakan semula falsafah, konsep, pengurusan prestasi;
 - Tidak boleh “one-size fits all”
 5. Menggiatkan penglibatan alumni dalam governan UMP sehingga LPU UMP didominasi oleh alumni pada satu hari nanti;
 6. Memastikan UMP punyai kepimpinan yang transformasional di semua peringkat, termasuk kepimpinan pelajar;
 - Pemimpin formal / tak formal

- Pemimpin akademik / penyelidikan
 - Pemimpin tanpa title
7. Melibatkan pelajar sebanyak mungkin dalam pembentukan strategi universiti kerana mereka kelak bakal menjadi alumni dan dan hasil keluaran UMP;
- Persatuan pelajar
 - MPP (harus atas landasan yang betul, bukan untuk personal glory / politik)
8. Memastikan yang pendekatan UMP bukan sekadar luar lazim yang berimpak tinggi, tetapi mampu untuk menukar corak permainan sedia ada - *UMP the game changer*.
- banyak yang boleh diterokai

KATA-KATA PENUTUP

85. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan rangkaian senario dikupas tadi, maka jelaslah kepada kita bahawa tahun 2014 ini adalah agak kritikal dan luar biasa sifatnya. Ini adalah kerana tahun 2014 merupakan era peralihan yang menghubungkan fasa Pelan Strategik 2011-2015 dan Pelan Strategik 2016-2020.

86. Dengan ingatan tersebut, maka kita haruslah bersedia untuk lebih keras berusaha dalam era penghubung dua fasa ini – keadaan yang memerlukan komitmen tinggi, fokus mendalam dan keupayaan untuk berganjak dari zon selesa.

87. Hakikatnya, warga UMP daripada setiap peringkat – Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Pelaksana, kepimpinan mahasiswa, mahasiswa biasa, akademia mahu pun birokrat mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam era peralihan ini.

88. Justeru, saya sekali ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada warga kerja dan mahasiswa UMP atas sokongan, sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan selama ini.
89. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Pusat Tanggungjawab dan staf yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengelolaan majlis pada pagi ini.
90. Mudah-mudahan rahmat Allah Ta'ala akan terus menaungi UMP dan warganya dengan kecemerlangan, kejayaan dan kesejahteraan, Amin.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh